

# THE TITAN

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

31 JULAI 2023 | BIL: 52  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

*Industry View*

**3** CARA UNTUK BANGKIT  
DARIPADA KEGAGALAN!

# JASNIZA JAMAL

CEK KOSONG RM1 JUTA BUAT DIRI  
JADI KENYATAAN





# MULA BISNES SECARA TAK SENGAJA

**“YA, BERMULA SECARA TAK SENGAJA,” JAWAB JASNIZA JAMAL KETIKA DITANYA BAGAIMANA BELIAU MULA JALANKAN BISNES.**

Siapa sangka, Jas Kristal Vision Sdn. Bhd. yang dijalankan di kawasan ‘kampung’ di Baling, Kedah juga boleh berjaya hingga ke tahap sekarang ini.

Jasniza memberitahu, beliau pada mulanya tak ada pun cita-cita nak jadi usahawan selepas tamat pengajian di peringkat ijazah.

Beliau pilih untuk berniaga apabila seronok tengok gaya hidup usahawan muda yang dikenali.

“Saya bantu uruskan kedai cermin mata kakak sulung dan dipendekkan cerita saya meneruskan kedai berkenaan.

“Kalau nak dikirakan sekitar 15 tahun lalu, bila mana saya ditawarkan untuk uruskan kedai cermin mata itu sampai jadi hak milik. Saya sahut cabaran dan rasa ia merupakan tawaran yang baik,” katanya lagi.

Tambahnya, ketika itu baru berusia 24 tahun dengan duduk di Baling malah perbelanjaan pun tak tinggi sangat.

Bagaimanapun, Jasniza terpaksa membayar

denda berlipat kali ganda berikutan tidak mahu mengambil pekerjaan yang ditawarkan selepas tamat pengajian melalui biasiswa kerajaan.

“Begitulah serba sedikit perjalanan saya berniaga. Tempoh itu pun saya hanya buat aktiviti jual beli, bukannya membina perniagaan.

“Bila jalankan perniagaan tanpa ilmu yang betul buatkan pelbagai masalah dilalui dengan *survive* dalam keperitan yang orang di luar tak nampak,” kongsinya.

## PERJALANAN MENDAPATKAN ILMU

Sangka bisnes ini mudah dan indah, namun selepas 10 tahun berniaga, Jasniza tak ada kelapangan masa untuk keluarga. Bukan itu saja, beliau juga menerima kritikan orang yang mengatakan ‘bodoh’ untuk berniaga ke kedai sebelum matahari terbit dan pulang semula selepas terbenam.

Pada mulanya ia menjadi pembakar semangat untuk beliau. Namun, selepas berjuang seorang diri selama 10 tahun, beliau mulai rasa benarlah apa yang dikatakan oleh orang di luar sana.

“Saya tak ada *personal life*, tak dapat bagi duit bulanan memuaskan kepada keluarga dan lain-lain,” ujarnya.

Tambahnya, kemudian beliau berpeluang mengikuti program RichWorks dan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman.





“Di program Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK) yang dihadiri pada tahun 2016 itulah yang bantu saya tukar *mindset*, tahu mengenai *big why*, keramat hidup dan kejelasan lagi tentang kehidupan yang dijalani,” ujarnya.

Selepas program itu, Jasniza berikrar untuk komited dan fokus untuk belajar bagi mengembangkan bisnesnya dan bukannya terus kekal pada tahap yang sama.

### RM1 JUTA PERTAMA

Beliau kemudian mengikuti program Millionaire Marketing Mastery sebelum buat keputusan sertai program pementoran SPIRE iaitu pada 2018.

Tertampar dengan kata-kata Dr. Azizan dalam MMM bahawa sangka semua orang sudah tahu pasal kita, sedangkan tak beritahu orang tentang kita ini.

Maksudnya apa yang Jasniza ada dan lakukan saat itu sebenarnya masih belum maksimum lagi.

“Sebelum bersama RichWorks, saya pernah cari penasihat perniagaan di luar, yang mana lihat lokasi bisnes (Baling, Kedah), hasil setahun dan mereka beritahu memang sudah tak dapat berkembang lagi!

“Sedangkan Dr. Azizan kata, kau rasa semua orang dah tahu pasal kau!

“Saya berjaya capai RM1.1 juta pertama pada 2021 dengan mengambil masa tiga tahun selepas dibimbing dalam pementoran SPIRE.

“Alhamdulillah, bila faham dengan *game* sendiri kita dapat kuasai wilayah meskipun dalam tempoh itu kita dilanda wabak pandemik hingga kita tidak dapat beroperasi berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” jelasnya.

Jasniza memberitahu, sebenarnya beliau tak pernah terlintas langsung untuk capai jumlah itu. Cuma mungkin bila terdedah sebagai anak didik RichWorks buatkan diri mula berani berimpian sebegitu.

“Dalam satu kelas, saya belajar tulis cek kosong dengan ditandatangani orang lain buat diri saya.

“Dr. Azizan beritahu jika tak tahu nak tulis apa, senang tulis RM1 juta dan rupanya tahun selepas itu berjaya direalisasikan. Bahkan cek kosong kedua yang ditulis RM1.5 juta pula hampir dicapai pada tahun lalu dengan sebanyak RM1.42 juta,” jelasnya.

Jasniza berkata, tiada apa rahsia cuma beliau betul-betul ikuti apa yang diajar dan percaya kepada proses perjalanan itu.

Tanpa bimbingan dalam SPIRE, Jasniza memberitahu, beliau mudah ‘lost’ dengan bermacam perkara yang menyebabkan jualan kedainya melalui peningkatan yang sangat perlahan.

“Setiap tiga tahun ada naik 25% tapi apabila dibimbing RichWorks selepas tahun pertama, jualan tahunan meningkat ke 54% hingga berjaya capai lebih sejuta setahun,” ujarnya.









# 3

## NASIHAT

***PERTAMA, SOAL DIRI SENDIRI ANDA NAK KE TAK NAK UNTUK CAPAI RM1 JUTA PERTAMA DAN BERJAYA.***

Bermula dengan diri kita sendiri, jika tidak mahu tiada siapa yang boleh tolong lagi. Tapi jika kita betul-betul nak, pastikan akan mencari jalan.

“Jika tak tahu pergi bertanya kepada mereka yang betul, contohnya seperti di RichWorks ada menyediakan program-program terbukti dapat bantu dan sokong bangsa usahawan,” ujarinya.

***KEDUA, TERUS LAKUKAN TINDAKAN.***

“Jika ketika ini hidup susah dan perit, namun tanpa tindakan buatkan tiada apa-apa akan berubah.

“Berbanding jika kita buat tindakan dan ilmu yang betul, perkara itu pasti akan dapat dicapai biarpun kelihatan sukar pada awalnya,” ujarinya lagi.

***KETIGA, BIMBINGAN DARIPADA MENTOR YANG TERBUKTI.***

“Mentor dapat bawa anak didiknya mengikut jalan yang betul untuk sampai ke destinasi yang ditetapkan.

“Bila Dr. Azizan beri pandangan dan beritahu, saya akan lakukannya sebab terbukti apa yang diajar buatkan saya lebih bijak menyimpan, mahir berkomunikasi, matang dalam menguruskan pasukan dan lain-lain lagi,” luah Jasniza.



# JANGAN MENYERAH, INI 3 CARA UNTUK BANGKIT DARIPADA KEGAGALAN!

**Sesiapa sahaja di dunia ini pasti pernah mengalami kegagalan. Mereka yang hari ini kita lihat sudah berjaya pun pernah melalui fasa tersebut.**

Kadang-kadang, kesilapan kecil yang kita lakukan boleh membawa maut. Penyesalan mulai muncul dan rasa sedih itu pasti. Tapi, tak payahlah nak sedih lama-lama kan?

Tiada kejayaan dilahirkan tanpa kegagalan. Anda pasti pernah mengalaminya bukan? Namun, kegagalan itulah yang akan membentuk anda menjadi orang yang lebih kuat.

Jangan risau, masih ada peluang lain menanti anda. Yang penting, anda haruslah mampu menangani kegagalan dengan cara yang betul. Ayuh, lihat 3 tip untuk mengatasi kegagalan yang dialami supaya anda boleh bangkit semula!

## 5 CARA USAHAWAN TUNJUKKAN PENGHARGAAN PADA STAF

### 1 BUAT PENILAIAN KENDIRI

Sudahkah anda menilai diri anda?

Penilaian sendiri amat penting sebagai rujukan untuk memajukan diri. Jangan hanyut dengan rasa putus asa sehingga anda lupa untuk bangkit semula.

Anda boleh menilai apa yang menyebabkan kegagalan anda. Adakah kerana anda kurang disiplin dalam melakukan sesuatu? Adakah terdapat perkara yang anda fikir remeh tetapi sebenarnya mempengaruhi kejayaan anda?

Semua orang pasti pernah melakukan kesilapan. Tidak perlu risau, anda masih boleh menjadi orang yang lebih baik di masa hadapan. Dengan cara itu, anda boleh memaksimumkan usaha anda untuk mencapai impian baru. Semoga berjaya.

### 2 BERIKAN SELF-REWARD KEPADA DIRI SENDIRI

Ada kalanya hasil akhirnya tidak yang seperti diharapkan walaupun anda telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

Apabila anda gagal, anda tidak perlu menyalahkan diri sendiri. Bukankah kegagalan adalah pintu kejayaan? Tenang, anda tidak perlu membenci kegagalan itu sebaliknya hargailah diri sendiri.

Bina *mood* supaya anda tidak larut dalam kesedihan. Cuba lakukan perkara yang anda suka, sama ada membeli makanan kegemaran atau melakukan aktiviti yang menggemirakan anda.

Ayuh, bangkit semula! Jangan takut untuk gagal. Anda perlu percaya bahawa anda hebat dan anda telah melakukan yang terbaik.



Yakinlah, suatu hari nanti anda akan mencapai kejayaan hasil kerja keras yang telah dilakukan.

### 3 LAKUKAN SELF-HEALING

Selain menghormati diri sendiri, anda juga perlu melakukan penyembuhan diri agar kesedihan yang berpunca daripada kegagalan tidak selalu menghantui anda. Anda perlu teruskan hidup!

Mula melakukan penyembuhan diri dengan cuba membuka lembaran baru. Lakukan perkara baru yang membuatkan anda selesa. Jangan jadikan kegagalan sebagai bumerang agar anda boleh bangkit dan tetapkan harapan dan matlamat baharu anda.



# EKSKLUSIF!

## GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA

DALAM

### **Klinik Usahawan**

## SIRI **BINA BISNES BERJAYA**

*Sesi Transformasi Perniagaan  
untuk Usahawan SME*



**DATUK WIRA  
DR AZIZAN OSMAN**  
*MenThor Usahawan Jutawan*



**Buku Untuk Usahawan  
Bakal Jutawan!**

**+**

**Sesi Penilaian Perniagaan  
Anda berharga RM497**

[www.binabiznesberjaya.com](http://www.binabiznesberjaya.com)

**100% PERCUMA**

DITAJA OLEH RICHWORKS

**Mohon di: [richworks.com/satujutapertama](http://richworks.com/satujutapertama)**



# 10X **BINA BISNES 2023 BERJAYA**

2-3 SEPTEMBER 2023

D A T U K W I R A  
**DR. AZIZAN OSMAN**



DAFTAR SEKARANG  
[binabisnesberjaya.com](https://binabisnesberjaya.com)  
Rebut Tempat Duduk Anda Sekarang!



# E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

**RICHWORKS**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

# THE TITAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.